AUTHOR: No author available SECTION: DLM NEGERI PAGE: 28 PRINTED SIZE: 193.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,253.00 ITEM ID: MY0068941571



23 APR, 2026

Santuari Kelah Tasik Kenyir dibuka semula

Utusan Malaysia, Malaysia

Santuari Kelah Tasik Kenyir dibuka semula

KUALA TERENGGANU: Santuari Kelah Tasik Kenyir di sini, dibuka kembali kepada orang ramai bermula Isnin lalu, selepas ditutup sementara bagi tujuan pemulihan habitat ikan serta faktor keselamatan pengunjung

Pengerusi Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim negeri, Datuk Razali Idris berkata, pembukaan semula dibuat selepas keadaan di lokasi berkenaan disahkan selamat untuk dikunjungi.

Katanya, penutupan sebelum ini melibatkan usaha pemuliharaan spesies ikan kelah, selain mengambil kira ancaman haiwan liar yang boleh menjejaskan keselamatan pengunjung.

"Jika gajah turun ke kawasan air, terdapat kebarangkalian berlaku gangguan kerana kawasan santuari itu agak sempit," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) memaklumkan, Santuari Kelah ditutup sementara bermula 6 April lalu sebagai langkah berjaga-jaga.

Razali berkata, pihaknya tetap meneruskan siasatan kes kecurian ikan kelah yang dilaporkan berlaku di situ sebelum ini.



SANTUARI Kelah sentiasa menarik kehadiran orang ramai yang berkunjung ke Tasik Kenyir di Hulu Terengganu, Terengganu.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: DLM NEGERI PAGE: 28 PRINTED SIZE: 193.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,253.00 ITEM ID: MY0068941571



23 APR, 2026

Santuari Kelah Tasik Kenyir dibuka semula

Utusan Malaysia, Malaysia

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Santuari Kelah Tasik Kenyir di sini, dibuka kembali kepada orang ramai bermula Isnin lalu, selepas ditutup sementara bagi tujuan pemulihan habitat ikan serta faktor keselamatan pengunjung Pengerusi Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim negeri, Datuk Razali Idris berkata, pembukaan semula dibuat selepas keadaan di lokasi berkenaan disahkan selamat untuk dikunjungi. Katanya, penutupan sebelum ini melibatkan usaha pemuliharaan spesies ikan kelah, selain mengambil kira
ancaman haiwan liar yang boleh menjejaskan keselamatan pengunjung.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.